

UTUSAN MALAYSIA

Mega

Inovasi

MESIN ISI
POLIBEG »11

Fatonah dan
suami meniti sinar
kejayaan selepas
harungi pahit getir
industri ternakan

MENTOR
USAHAWAN
TERNAK



fokus

Rusa tumpuan baharu

KEJAYAANNYA dalam perternakan lembu, kambing, ayam, itik dan puyuh tidak hanya berhenti di situ sahaja. Sebaliknya, Siti Fatonah Arbain terus membakar semangat dan membuat dirinya lebih yakin untuk melangkah lebih jauh dalam bidang perternakan.

Walaupun masih baharu dalam bidang tersebut, beliau percaya impiannya untuk meneroka pasaran rusa akan membawa pulangan yang amat besar serta lumayan.

Beliau sudah menyiapkan serta melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan maklumat mendalam untuk memulakan bidang ternakan rusa.

Akui bidang baharu tersebut berlainan daripada ternakan sebelum ini, **Siti Fatonah** dan suaminya, **Mohamad Jamil Mahidin** terlebih dahulu menghadiri kursus perternakan rusa dan mengumpulkan maklumat penting tentang haiwan tersebut seperti spesifikasi perumahan, pemakanan, pembiakan, rawatan penyakit dan sebagainya.

Menurutnya, bidang itu dipilih memandangkan potensi daging rusa di pasaran amat tinggi selain dapat mengekang aktiviti perjualan daging rusa tiruan yang mula memasuki pasaran tempatan.

Selain daging, jualan anak dan induk untuk tujuan pembiakan juga amat tinggi di pasaran.

Dalam pasa sama, permintaan terhadap tanduk rusa juga merupakan faktor mengapa beliau menceburi projek tersebut.

Beliau yang telah lama menyimpan impian untuk memelihara rusa tidak menafikan niatnya untuk terlibat dalam bidang tersebut beberapa kali ditangguhkan atas faktor modal.

Dalam pada itu, **Mohamad Jamil** berkata, beliau dan isteri amat bersyukur dengan pencapaian syarikatnya setakat ini.

Siti Fatonah pernah menerima anugerah sebanyak RM20,000 bagi Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan, RM60,000 bagi Anugerah Khas Perdana Menteri dan RM10,000 bagi Anugerah Khas Selangor Agrofest 2014.

Kejayaan itulah yang membolehkan mereka merealisasikan hasrat meluaskan penglibatan kepada ternakan rusa dengan memberi 14 ekor rusa dan empat ekor lembu bali.

Pada masa kini, MJ Fatonah memelihara dua jenis baka rusa iaitu Axis-axis dan Timorensis.

Tekad Siti Fatonah

Mahu pengusaha industri ternakan diperkasa dengan ilmu

KEJAYAAN yang diraih syarikat usahawan ternak, MJ Fatonah Sdn. Bhd. tidak datang bergolek. Pelbagai rintangan dihadapi tanpa mengenal istilah berputus asa. Malah beliau menganggap ujian yang diterima dianggap sebagai satu kuasa besar untuk pemilik syarikat perternakan tersebut terus berjaya dalam bidang yang diceburi.

Berbekalkan semangat yang tidak pernah luntur, Pengarah Urusannya, **Siti Fatonah Arbain** sentiasa positif dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan demi memastikan kerjaya yang di bina bersama suaminya yang juga merupakan Pengarah Operasi, **Mohamad Jamil Mahidin** tidak berhenti di pertengahan jalan.

Sebaliknya mereka mahu membina empayar untuk bakal-bakal usahawan ternak di negara ini.

Nekad meninggalkan kerja makan gaji biarpun punya jawatan baik dan bergaji lumayan, Siti Fatonah tidak pernah menyesal berbuat demikian.

Malah hasil titik peluhnya, beliau kini boleh dianggap sebagai usahawan ternak yang berjaya.

Bagaikan tidak percaya dengan kejayaan yang dikecapi kini, Siti Fatonah baru-baru ini menerima Anugerah Khas Perdana Menteri dan Penternak Jaya Kebangsaan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2014.

Ujarnya, kejayaan tersebut tidak menjadikan beliau selesa sebaliknya ingin meneroka pelbagai bidang dalam industri perternakan.

Berbekalkan modal sebanyak

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAIDS**
aqilah.mks@gmail.com

RM370,000, hasil jualan sebuah rumah milik dan wang simpanan, beliau memulakan projek ternakan lembu dengan membeli sebidang tanah seluas satu hektar di Kuala Selangor.

Pada hari ini, Siti Fatonah telah mewujudkan Akademi Usahawan MJ Fatonah yang ditubuhkan sejak 2007 dan menerima 2,634 peserta sehingga Februari tahun ini.

Akademi Usahawan MJ Fatonah lahir daripada cetusan idea perkongsian ilmu dengan rakan penternak.

Matlamat utamanya adalah menghakis persepsi yang menganggap bidang perternakan dan pertanian sebagai karier kelas bawah yang dipandang rendah oleh masyarakat.


Katanya bidang perternakan yang diusahakan secara moden dan sistematis mampu mengangkat martabat penternak kepada jutawan.

Justeru, akademi latihan tersebut boleh membantu bakal penternak mendalami ilmu pengetahuan dan pengalaman sebenar perternakan lembu, kambing, ayam kampung, itik dan puyuh menggunakan teknologi moden serta sistematis.

Menurutnya, akademi tersebut lahir daripada minat dan komitmennya untuk berkongsi ilmu bersama usahawan ternakan yang ingin mengenali selok-belok industri ternakan selain berminat meneroka pasaran itu di negara ini.




MOHAMAD JAMIL



MJ FATONAH kini mula berjinak-jinak dengan ternakan rusa.



SITI FATONAH terlibat dengan industri ternakan bermula dengan kambing.



KEMUDAHAN tempat tinggal yang disediakan di Akademi Usahawan MJ Fatonah di Kuala Selangor.

fokus



LATIHAN dalam bilik kuliah.



"Kami seronok berkongsi maklumat.

Pada awalnya kami berkongsi maklumat dan pengalaman dengan pelawat dan pelanggan yang datang.

"(Bagaimanapun), siapa sangka pada 2007, seorang rakan usahawan yang mendapat tawaran menyediakan latihan untuk kursus anjuran Mara memohon kami menggantikannya untuk mengendalikan satu sesi.

"Kami sahut cabaran itu dan sebagai penyedia latihan, Mara mahu kami menyediakan fasiliti asas seperti bilik penginapan, makan minum, modul pembelajaran teori dan amali," katanya yang ditemui di ladangnya baru-baru ini.

Seperti mimpi, beliau dan suaminya berjaya merealisasikan impian untuk berkongsi pengalaman dan ilmu agar peserta yang terlibat dalam kursus itu turut berjaya seperti mereka.

Sejak tahun 2009, akademi latihan tersebut diiktiraf oleh Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), sebagai penyedia latihan yang menepati kriteria dan keperluan jabatan.

Harapannya cuma satu, supaya ilmu dan pengalaman yang dikongsi akan membuka lebih banyak peluang kepada bakal usahawan penternak untuk memajukan perniagaan.

Kursus selama tiga hari yang ditawarkan olehnya itu meliputi 30 peratus teori melalui ceramah sementara 70 peratus lagi adalah amali iaitu penerangan dan latihan di ladang.

Beliau dan suaminya bertindak sebagai tenaga pengajar selain menjemput doktor veterinar yang berdaftar dan diiktiraf kelayakan mereka turut sama berkongsi ilmu.

MJ Fatonah menawarkan dua jenis kursus iaitu Kursus Usahawan Ternakan Ruminan yang memberi fokus kepada lembu dan kambing serta Kursus Usahawan Ternakan Unggas yang memberi tumpuan kepada ayam kampung, itik dan puyuh.

"Percaya atau tidak sebanyak 80 peratus peserta kursus berjaya menjadi usahawan ternak dengan anggaran pendapatan tidak kurang daripada RM3,000 sebulan," ujarnya.

Akademik tersebut terus menerima tawaran menyediakan kursus daripada JPV, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Risa, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

Akademi berkenaan juga merupakan penyelia latihan yang dilantik oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) untuk bekas pesara tentera dan bakal pesara bagi menjalinkan latihan peralihan sebelum penempatan.

Yang menarik menurut Siti Fatonah, penubuhan akademi tersebut tanpa peruntukan bajet yang besar.

Sebaliknya, pada awal penubuhan, syarikatnya hanya memperuntukkan sekitar RM30,000 untuk membina bilik penginapan, bilik kuliah dan peralatan kursus dan demi keselesaan peserta sementara akademi akan menambah baik fasiliti dari semasa ke semasa menggunakan wang yuran kursus sebanyak RM700 seorang selama tiga hari dua malam.

Bukanlah gelaran yang dikejar dalam bidang ternakan walaupun beliau digelar sebagai ikon atau mentor dan sebagainya.

"Gelaran itu tidak membawa sebarang makna sekiranya usahawan ternakan bimbingan MJ Fatonah masih terkapai-kapai memerlukan bantuan untuk maju," ujar Siti Fatonah.

Peserta yang berkursus di akademi tersebut boleh mendapat khidmat nasihat berterusan dari semua tenaga pengajar tanpa bayaran tambahan.

Mereka juga akan dihubungkan dengan jaringan usahawan penternakan dan pertanian sedia ada untuk membantu mereka memantapkan lagi perniagaan dan jaringan pemasaran.

Impiannya hanya ingin menjadi contoh yang terbaik dalam semua perkara yang dilakukan termasuk dalam bidang perternakan selain mahu menjadi yang terbaik buat anak-anak, peserta kursus, usahawan-usahawan ternakan dan orang di sekeliling.

Dalam masa sama, beliau sering mengingatkan penternak baharu agar tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata sebaliknya berusaha dengan modal walaupun kecil.

"Apa yang telah dan sedang kerajaan sediakan untuk usahawan ternakan memang sudah banyak dan amat membantu.

Terima kasih atas keprihatinan kerajaan terhadap industri ini. Akan tetapi, saya masih berharap beberapa perkara lagi perlu dititikberatkan oleh kerajaan.

"Saya berharap kerajaan kembali memberi perhatian kepada keperluan ilmu kepada usahawan ternakan memandangkan kursus-kursus dan latihan sekarang sangat terhad selain langkah itu amat penting untuk melahirkan usahawan ternakan yang berilmu dan berkemahiran," jelasnya.

Tambahnya, antara faktor besar kegagalan projek ternakan adalah kekurangan ilmu sama ada ilmu teknikal penternakan, pengurusan ladang, pengurusan kewangan dan pemasaran.

Selain itu, pemantauan bantuan yang dihulurkan kepada usahawan ternakan perlu dilakukan secara berkala. Ini bagi memastikan setiap bantuan sama ada berbentuk baka mahupun mesin dan peralatan dimanfaatkan sebaiknya untuk menaiktaraf projek usahawan ternakan tersebut.

Info

KEMUDAHAN

- Bilik penginapan berhawa dingin
- Bilik kuliah berhawa dingin
- Alat bantu mengajar yang lengkap (skrin & projektor)
- Ruang makan berhawa dingin
- Ruang Rehat
- Surau
- Tandus
- Riadah (indoor games)
- Televisyen, set karaoke dan akhbar.
- Parkir kereta yang luas dan berpagar

KAEADH KURSUS

- 30 peratus teori (ceramah & persembahan slaid)
- 70 peratus amali (penerangan & hands on di ladang)

PAKEJ KURSUS

Pakej kursus termasuk:

- Penginapan berhawa dingin.
- Makan minum (enam kali sehari).
- Latihan teori di bilik kuliah yang berhawa dingin.
- Latihan amali di kandang.
- Penggunaan alat keselamatan diri di ladang (topeng dan sarung tangan).
- Nota kursus.
- Kemeja-T dan topi eksklusif dari MJ Fatonah.
- Manual penternakan/kertas kerja pinjaman.
- Beg kursus, pen dan kertas
- Sijil.

BONUS UNTUK PESERTA DIAKADEMI USAHAWAN MJ FATONAH

- Kursus Usahawan Ruminan dua dalam satu utk ternakan Lembu dan Kambing
- Kursus usahawan unggas tiga dalam satu untuk ternakan ayam kampung, itik dan puyuh
- Contoh-contoh rancangan perniagaan
- Cenderahati untuk dibawa pulang

Maklumat lanjut layari www.mjfatonah.blogspot.com atau www.kursusternak.com untuk maklumat lanjut.